

**PERAK NOMBOR SATU : SATU KAJIAN DI DUA BUAH
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN
DAERAH KUALA KANGSAR**

**AHMAD PADLI BIN ARIFFIN
ROSKIAH BT HAJI BADRI
ANEESHA BT HAMID**

**KAJIAN INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT
MEMPEROLEHI DIPLOMA
PENTADBIRAN AWAM**

**INSTITUT TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERAK
SRI ISKANDAR**

1998

PENGHARGAAN

Pertama sekali kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada En.Mohd.Fauzi bin Mohd.Harun. Beliau telah membimbing dan memberi tunjuk ajar dalam menyiapkan tesis ini. Kesanggupan dan jasa baik beliau untuk meluangkan masa bagi membimbing kami, sangatlah kami hargai.

Kepada ahli-ahli jawatankuasa pemeriksa tesis yang lain, kami merakamkan penghargaan dan terima kasih di atas kritikan membina, komen dan saranan mereka setelah membaca draf tesis ini.

Penghargaan juga dirakamkan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia yang memberikan keizinan kepada kami untuk membuat Kursus Pendidikan Jarak Jauh di Institut Teknologi Mara.

Terima kasih tidak tertinggi ditujukan kepada keluarga kami yang selalu memberikan galakan kepada kami untuk mencapai taraf pelajaran setinggi yang boleh. Terima kasih juga ditujukan kepada pihak Pegawai Pendidikan Daerah Kuala Kangsar yang telah membantu kami dalam memperolehi bahan-bahan rujukan.

SINOPSIS

Pengenalan

Dalam usaha untuk mewujudkan pendidikan bertaraf dunia Kementerian Pendidikan Malaysia mempunyai aspirasi yang selaras dengan hasrat Perdana Menteri untuk membolehkan Malaysia menjadi negara maju pada tahun 2020 bukan sahaja dari segi ekonomi malah dalam pengertian keadilan sosial, nilai moral dan etika, kecanggihan politik, mutu kehidupan dan pentadbiran yang cekap. Wadah ini menuntut seluruh warga pendidikan melakukan anjakan paradigma dalam visi dan orientasinya untuk melahirkan pemimpin dan pengurus pendidikan yang proaktif, unreasonable, peneroka yang berani, penanggung risiko dan menjadi pengamal budaya cemerlang dalam semua bidang. Hasrat Falsafah Pendidikan Negara ialah untuk membentuk rakyat Malaysia yang mempunyai ciri-ciri :

- * Berakhhlak mulia
- * Berketrampilan
- * Berilmu pengetahuan
- * Bertanggungjawab
- * Mampu mencapai kesjahteraan diri dan menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat dan negara.

Matlamat dan Hasrat

Dalam arena persaingan yang hebat ini matlamat dan hasrat hanya akan tercapai melalui 5 peringkat berikut:

1. Menyebar maklumat hingga ke kar umbi
2. Kefahaman yang jelas dan total tentang matlamat dan tujuhala yang ingin dicapai dalam konteks Perk Nombor Satu.
3. Menghayatinya bersungguh-sungguh dengan merujuk kepada komitmen yang maksimum.
4. Mempraktikkan segala perancangan dan perencanaan yang dibuat dengan kesungguhan yang ikhlas.
5. Segala tindakan dalam amalan hendaklah dijalankan secara berterusan menjurus ke arah kecemerlangan.

Ia juga perlu merangkumi ciri-ciri berikut:

- * Sentiasa mendahului beberapa langkah ke hadapan.
- * Sering berada di tempat teratas.
- * Memerajui kepimpinan Pendidikan.
- * Menyediakan pemimpim yang berwibawa dan berkeliber.
- * Cepat, tepat dan kreatif bertindak.

	KANDUNGAN	HALAMAN
HALAMAN JUDUL		i
PENGAKUAN		ii
PENGHARGAAN		iii
SINOPSIS (BAHASA MALAYSIA)		v
SYNOPSIS (BAHASA INGGERIS)		vii
KANDUNGAN		ix
SENARAI RAJAH		x
SENARAI JADUAL		xi
BAB		
I PENDAHULUAN		1 - 4
II PERAK NOMBOR SATU DARI SEGI PENGTAKRIFAN, FALSAFAH, TEORI DAN DIMENSI AKADEMIK		5 - 47
III SEJARAH SEKOLAH YANG TERLIBAT DENGAN PERAK NOMBOR SATU		
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN RAJA MUDA MUSA, KUALA KANGSAR		48 -69
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATUK HAJI ABDUL WAHAB, SUNGAI SIPUT(U)		70 -91
IV KAJIAN DI SEKOLAH-SEKOLAH YANG TERPILIH PENCAPAIAN SEBENAR 1997		92 - 126
V KESIMPULAN SERTA ANALISIS DAN CADANGAN DENGAN PROGRAM PERAK NOMBOR SATU		127 - 130
BIBLIOGRAFI		
LAMPIRAN		
LATAR DIRI		

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan dan Pernyataan Masalah

Perak Nombor 1 merupakan hasrat dan matlamat. Cogankata ini seharusnya dipandang dari aspek yang positif dan bukanlah suatu perkara yang mustahil untuk dicapai. Perak Nombor 1 merupakan halatuju tindakan warga pendidikan di Perak bagi melahirkan budaya kerja cemerlang, seterusnya ke arah 'zero defect' dan juga merupakan ransangan untuk bergerak dan menggerakkan semua pihak bagi mencapai kecemerlangan dan meraih 'competitive advantage' di arena pendidikan di negara ini. Sebenarnya cogankata ini mengajak seluruh warga pendidikan di Perak melakukan anjakan minda, orientasi dan operasi mereka bagi merealisasikan hasrat ini. Sebagai warga pendidikan, kita tiada mempunyai pilihan lain selain daripada berusaha bersungguh-sungguh bagi mencapai kejayaan melalui kualiti produk dan perkhidmatan yang menyerlah. Kecemerlangan ini akan membolehkan kita mencapai 'zero failure'.

Hasil kajian¹ yang telah dijalankan awal tahun 1994 mengenalpasti bahawa 13% daripada 48,672 murid Tahun 4 sekolah rendah Negeri Perak menguasai (3M)membaca, menulis dan mengira.